



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

=====

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2021**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D.***
4. *Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

- 1 Berikut adalah anggaran belian bagi Perniagaan Sentosa.

	RM
Januari	4 020
Februari	4 220

Maklumat tambahan:

60% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya.

Berapakah bayaran pada bulan Februari?

- A RM4 120
 B RM4 140
 C RM4 220
 D RM4 944
- 2 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Tan.

Encik Kassim membayar bil elektrik rumahnya dengan wang perniagaan. Beliau telah merekod bayaran bil elektrik itu sebagai ambilan.

Apakah andaian yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Entiti Berasingan
 B Usaha Berterusan
 C Tempoh Perakaunan
 D Wang Sebagai Ukuran
- 3 Data berikut diperoleh dari perniagaan Puan Saridah yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2020	7 400
Bayaran kepada Akaun Belum Bayar sepanjang tahun	21 806
Diskaun diberi	2 592
Pulangan belian	2 366
Baki Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2020	5 789

Berapakah belian kredit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM12 645
 B RM15 867
 C RM22 561
 D RM25 153

- 4 Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperolehi daripada buku Kedai Will West.

Tarikh	Butir	No.Cek	Wang keluar (Debit)	Wang masuk (Kredit)	Baki
2020			RM	RM	RM
Mac 17		102315		190	12 500

2020		No. Cek	RM
Mac 12	Jualan	102315	910

Maklumat tambahan:

Jumlah jualan telah tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A Debit RM190
 - B Debit RM720
 - C Kredit RM720
 - D Kredit RM910
- 5 Kedai Komputer Lee menjual perabot terpakai secara kredit kepada Encik Syahmi.
Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?
- A Jurnal Am
 - B Jurnal Jualan
 - C Jurnal Belian
 - D Jurnal Pulangan Jualan
- 6 Butiran berikut diambil daripada buku Perniagaan Chandran.

Aset	Liabiliti	Ambilan	Modal
RM46 090	P	RM1 500	RM38 000

Hitung nilai bagi P ?

- A RM6 500
- B RM6 590
- C RM8 090
- D RM9 590

- 7 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Hayati.

	RM
Belian tunai	5 960
Belian kredit	12 665
Pulangan belian	7 500

Hitung angka belian yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

- A RM5 960
B RM11 125
C RM12 665
D RM18 625
- 8 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sukarni yang mengeluarkan pakaian kanak-kanak.

	RM
Kos Tetap	25 000
Kos Berubah seunit	8
Harga Jualan seunit	12

Berapakah jumlah keluaran Perniagaan Sukarni untuk mencapai untung sasaran RM35 000?

- A 3 000 unit
B 6 250 unit
C 8 750 unit
D 15 000 unit
- 9 Antara berikut yang manakah bukan komponen dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Aset
B Liabiliti
C Kos Jualan
D Untung bersih

- 10 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2020		
	RM	RM
Y		(500)
Tambah: Cek belum dikemukakan	1 500	
Dividen	800	
	1 800	2 300
Tolak: Deposit belum dikreditkan	1 000	
Caj bank	20	
	1 020	1 800
Z		780

Apakah **Y** dan **Z**?

	Y	Z
A	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
B	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
C	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
D	Baki debit di Penyata Bank	Baki kredit di Buku Tunai

- 11 Butiran berikut diperoleh daripada buku Kilang Perabot Zess.

	1 Julai 2021	31 Julai 2021
	RM	RM
Inventori bahan langsung	1 650	2 450
Barang siap	750	230

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2021.

	RM
Belian bahan langsung	6 500
Belanja import bahan langsung	420
Upah langsung	400

Kira kos bahan langsung digunakan pada 31 Julai 2021.

- A** RM6 120
- B** RM6 520
- C** RM6 640
- D** RM8 570

- 12 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan aset dan liabiliti Kelab Omega One pada 1 Januari 2021.

	RM
Yuran belum terperoleh	250
Akaun Belum Terima cenderahati	4 300
Akaun Belum Bayar cenderahati	3 700
Bank	7 300
Lengkapan	8 000
Yuran belum terima	160

Berapakah Dana Terkumpul pada 1 Januari 2021?

- A RM15 990
 B RM15 900
 C RM15 810
 D RM15 210
- 13 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Syarikat Zamrud.

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Pulangan	400	
Diskaun		700

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan di atas?

- A Pulangan masuk RM400, Diskaun diberi RM700
 B Pulangan keluar RM400, Diskaun diberi RM700
 C Pulangan keluar RM400, Diskaun diterima RM700
 D Pulangan masuk RM400, Diskaun diterima RM700
- 14 Kelab Rekreasi Ventura mempunyai ahli seramai 150 orang. Yuran masuk yang dikenakan ialah RM50 seorang dan yuran keahlian ialah RM100 setahun. Pada akhir tahun terdapat 3 orang ahli yang masih belum menjelaskan yuran.

Hitungkan yuran tahunan bagi tahun tersebut.

- A RM15 000
 B RM14 700
 C RM7 500
 D RM7 350

- 15 Apakah kepentingan Penyata Kewangan kepada pelabur?
- A Mempertimbangkan kelulusan kemudahan kredit
 - B Melihat keupayaan perniagaan bagi menjana pendapatan
 - C Memberi penarafan perniagaan dari segi kelulusan kredit
 - D Melihat keupayaan perniagaan menawarkan kenaikan gaji dan faedah lain
- 16 Kenyataan berikut diperolehi daripada Ikatan Perkongsian Kedai Kek Liza dan Ros.
- Faedah atas ambilan oleh setiap pekongsi dikenakan faedah 10% setahun
- Mengapakah ambilan pekongsi dikenakan faedah?
- A Untuk meningkatkan pendapatan pekongsi
 - B Untuk mengurangkan pembayaran kepada pekongsi
 - C Untuk mengelakkan pekongsi membuat ambilan yang berlebihan
 - D Untuk menggalakkan pekongsi membuat ambilan tunai dan barang niaga
- 17 Antara berikut manakah yang merupakan perbelanjaan modal bagi sebuah kelab?
- A Honorarium
 - B Sewa rumah kelab
 - C Upah pekerja restoran
 - D Ubah suai bangunan kelab
- 18 Dokumen yang manakah menjadi sumber maklumat bagi Jurnal Jualan?
- A Nota Debit (asal)
 - B Nota Debit (salinan)
 - C Nota Kredit (asal)
 - D Nota Kredit (salinan)
- 19 Apakah butiran yang tidak dicatat dalam Akaun Semasa pekongsi?
- A Faedah atas modal
 - B Faedah atas ambilan
 - C Gaji pekongsi tahunan
 - D Faedah atas pinjaman pekongsi belum bayar

20 Yang manakah merupakan ciri-ciri kepimpinan seorang akauntan?

- I Integriti
- II Objektiviti
- III Kompetensi
- IV Akauntabiliti
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Encik Zakariah mengusahakan projek ternakan kelulut di Tampin. Maklumat berikut diperolehi daripada belanjawan tunai beliau bagi bulan Januari 2022.

	RM
Baki awal:	
Tunai di bank	70 000
Peralatan	40 000
Anggaran Penerimaan	195 000
Anggaran Pembayaran	103 000

Berapakah baki akhir belanjawan tunai pada bulan Januari 2022?

- A RM92 000
 - B RM132 200
 - C RM162 000
 - D RM202 000
- 22 Urus niaga berikut diperolehi daripada Perniagaan Halim.

Menerima invois berjumlah RM3 500 daripada Kedai Ah Meng

Apakah akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Belian	Kedai Ah Meng
B	Jualan	Kedai Ah Meng
C	Kedai Ah Meng	Belian
D	Kedai Ah Meng	Jualan

23 Dokumen berikut diambil daripada buku Perniagaan Zulaikha.

RESIT RASMI	SALINAN
Perniagaan Zulaikha No 322 Jalan Susur 5 Taman Maluri, 73000 Tampin Negeri Sembilan 06 – 6750 722	No: R 4321 Tarikh: 23 April 2021
Diterima daripada : <u>Zikri Enterprise</u> Sebanyak : <u>Satu Ribu Lima Ratus Sahaja.</u> Untuk bayaran : <u>Menjelaskan sepenuhnya Inv. No. 2203</u>	
RM 1 500.00 Tunai / No. Cek : MBB 821321	
	<u>Zulaikha</u> (Pengurus)

Pernyataan manakah menerangkan urus niaga di atas?

- A Perniagaan Zulaikha telah menerima RM1 500 daripada Zikri Enterprise dengan tunai
- B Perniagaan Zulaikha telah membayar RM1 500 kepada Zikri Enterprise dengan tunai
- C Perniagaan Zulaikha telah menerima RM1 500 daripada Zikri Enterprise dengan cek
- D Perniagaan Zulaikha telah membayar RM1 500 kepada Zikri Enterprise dengan cek

24 Syarikat Mutiara telah menerbitkan syer-syer berikut pada 1 Mac 2020.

3 000 000 unit 5% Syer Keutamaan	RM3 sesyer
6 000 000 unit Syer Biasa	RM2 sesyer

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Mac 2020.

Pada 30 September 2020, lembaga pengarah syarikat memutuskan untuk membayar dividen interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan sebanyak 5 sen sesyer untuk Syer Biasa.

Hitungkan jumlah dividen interim bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa

	Syer Keutamaan	Syer Biasa
A	RM225 000	RM300 000
B	RM225 000	RM600 000
C	RM450 000	RM300 000
D	RM450 000	RM600 000

- 25 Akaun Realisasi berikut dipetik daripada buku perkongsian Harshida.

Akaun Realisasi		
2020		RM
Dis 31	Bank	9 000

Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan tersebut?

- A Pemindahan baki Akaun Bank
 - B Pembayaran bil elektrik yang baru dijumpai
 - C Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
 - D Perolehan daripada penjualan aset bukan semasa
- 26 Akaun manakah yang dicatatkan di sebelah debit Imbangan Duga?
- A Overdraf bank
 - B Pulangan belian
 - C Faedah atas pinjaman
 - D Faedah atas simpanan
- 27 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Mardiana.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	45 000	
Peruntukan Hutang Ragu		2 400

Selepas penyediaan Imbangan Duga, Ramli didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM1 500 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun Belum Terima bersih, apakah kesan terhadap belanja dan hasil perniagaan?

- A Hasil bertambah RM1 095
- B Hasil bertambah RM1 305
- C Belanja bertambah RM1 095
- D Belanja bertambah RM1 305

- 28** Belanja mengubah suai premis pada 10 Januari 2020 berjumlah RM37 600 telah dibayar dengan cek.

Apakah catatan jurnal yang terlibat?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 10	Belanja mengubah suai premis	37 600	
	Premis		37 600

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 10	Belanja mengubah suai premis	37 600	
	Bank		37 600

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 10	Premis	37 600	
	Belanja mengubah suai premis		37 600

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 10	Premis	37 600	
	Bank		37 600

- 29** Apakah kelebihan yang diperoleh oleh pemegang Syer Keutamaan berbanding Syer Biasa?

- A** Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
- B** Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
- C** Menerima kadar dividen yang lebih besar
- D** Berhak menerima tunggakan dividen

- 30 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Perabot Zaza dan Zizi.

Pada tarikh pembubaran, pekongsi Zaza telah menjelaskan hutang kepada pembekal berjumlah RM8 000

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun didebit	Akaun dikredit
A	Bank	Akaun Belum Bayar
B	Modal Zaza	Akaun Belum Bayar
C	Akaun Belum Bayar	Bank
D	Akaun Belum Bayar	Modal Zaza

- 31 Rumus di bawah berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran.

Kos Pengeluaran = X + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Awal - Kerja Dalam Proses Akhir

Apakah X?

- A Kos bahan
 - B Kos buruh
 - C Kos prima
 - D Kos tetap
- 32 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Muzafar.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2021 Mei 19	X	RM	RM 2 500				

Apakah urus niaga X ?

- A Membayar faedah atas pinjaman
- B Mengambil tunai untuk kegunaan sendiri
- C Membawa masuk tunai peribadi dalam perniagaan
- D Membeli barang niaga daripada pembekal dengan cek

- 33 Maklumat berikut diperoleh dari buku Marriz Enterprise.

	RM
Insurans prabayar	850
Overdraf bank	2 100
Akaun Belum Terima	5 500

Berapakah nisbah semasa Marriz Enterprise?

- A 0.33 : 1
 B 0.54 : 1
 C 1.86 : 1
 D 3.02 : 1
- 34 Maklumat kewangan berikut diperoleh daripada Purnama Trading pada 31 Disember 2020.

	RM
Untung kasar	8 200
Dividen	1 500
Sewa	4 500
Deposit Kadar Bayaran	200

Hitungkan untung bersih.

- A RM6 500
 B RM5 200
 C RM5 000
 D RM3 000
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Hamzi pada 31 Disember 2020.

Inventori purata	RM8 900
Untung Kasar	RM22 600
Kadar pusing ganti inventori	4 kali

Berapakah kos jualan?

- A RM54 800
 B RM35 600
 C RM31 500
 D RM13 700

- 36 Pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2020, komisen tahunan ialah RM5 000. Komisen yang telah dibayar ialah RM2 700.

Apakah catatan pelarasan bagi urus niaga tersebut?

A

Akaun Komisen		
2020		RM
Dis 31	Komisen Belum Bayar	2 300

Akaun Komisen Belum Bayar		
	2020	RM
	Dis 31	Komisen 2 300

B

Akaun Komisen		
	2020	RM
	Dis 31	Komisen Belum Bayar 2 300

Akaun Komisen Belum Bayar		
2020		RM
Dis 31	Komisen	2 300

C

Akaun Komisen		
2020		RM
Dis 31	Komisen Belum Bayar	2 700

Akaun Komisen Belum Bayar		
	2020	RM
	Dis 31	Komisen 2 700

D

Akaun Komisen		
	2020	RM
	Dis 31	Komisen Belum Bayar 2 700

Akaun Komisen Belum Bayar		
2020		RM
Dis 31	Komisen	2 700

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Buku Nazmi yang mengamalkan pembahagian lejar.

Akaun Belian			
2021		RM	
Jun 20	Syarikat Imran	5 200	

Syarikat Imran			
		2021	RM
	Jun 20	Belian	5 200

Antara berikut yang manakah benar?

	Akaun Belian	Syarikat Imran
A	Lejar Am	Lejar Belian
B	Lejar Belian	Lejar Am
C	Lejar Belian	Lejar Belian
D	Lejar Am	Lejar Am

- 38 Pada 1 Januari 2020, baki Akaun Belum Terima Hazim ialah RM3 620. Encik Hazim telah menghilangkan diri dan hutangnya telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Bagaimanakah cara untuk mengelakkan berlakunya hutang lapuk?.

- A** Memberi diskaun niaga
- B** Memberi diskaun tunai
- C** Memberi komisen
- D** Memberi elaun
- 39 Margin caruman ialah
- A** lebihan jualan daripada kos berubah
- B** lebihan kos berubah daripada jualan
- C** lebihan kos tetap daripada jualan
- D** lebihan jualan daripada kos tetap

- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada kedai MMI Enterprise.

Belian barang niaga RM8 430 daripada Syarikat Fazli telah dikreditkan ke Akaun Belian dan didebitkan dalam Syarikat Fazli.

Bagaimana catatan pembetulan dilakukan dalam Akaun Syarikat Fazli?

A

Syarikat Fazli	
RM	RM
	Belian
	8 430

B

Syarikat Fazli	
RM	RM
	Belian
	16 860

C

Syarikat Fazli	
RM	RM
Belian	8 430

D

Syarikat Fazli	
RM	RM
Belian	16 860

KERTAS SOALAN TAMAT